



**TEKS UCAPAN  
UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK HJ. MOHD NOOR HELMY BIN ABDUL HALEM  
TIMBALAN EXCO SAINS, TEKNOLOGI DAN KOMUNIKASI  
DIGITAL**

**MAJLIS PERASMIAN PELAN TINDAKAN KOMUNITI BAGI  
*URBAN CLIMATE RESILIENCE PROGRAM (UCRP) - RESILIENCE  
FOR COMMUNITIES***

**TARIKH : 10 JULAI 2025 ( KHAMIS )**

**MASA : 9.00 PAGI**

**TEMPAT : HOTEL SWISS GARDEN, MELAKA**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ

Salam Sejahtera;

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia ;

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat;

Salam Malaysia Madani;

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis ;

**(SALUTASI DI ROSTRUM)**

## **MUKADIMAH**

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam satu majlis yang sangat bermakna — Majlis Pelancaran *Community Action Plan (CAP)* bagi projek *Urban Climate Resilience Program – Resilience for Communities* atau singkatannya R4C.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), rakan pelaksana projek seperti Z Zurich Foundation, Zurich Malaysia, Resilient Cities Network, Urban Scale Studio serta institusi akademik Nanyang Technological University Singapura yang telah berganding bahu menjayakan inisiatif penting ini. Program ini menjadi bukti komitmen dan kepimpinan kolektif dalam usaha menjadikan Melaka sebuah bandaraya yang bukan sahaja bersejarah dan pintar, tetapi juga berdaya tahan terhadap cabaran iklim.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Perubahan iklim hari ini bukan lagi sekadar amaran, tetapi realiti yang kita alami secara langsung hasil daripada peningkatan suhu, banjir kilat, hingga tekanan terhadap kesihatan dan kualiti hidup masyarakat bandar. Golongan yang tinggal di kawasan padat dan berpendapatan rendah, termasuk warga emas, sering menjadi yang paling terkesan. Justeru, usaha membina daya tahan komuniti perlu menjadi keutamaan kita semua, dan bukan hanya bergantung kepada infrastruktur fizikal semata-mata.

4. Melalui program *Urban Climate Resilience Program (UCRP)* yang dibiayai oleh Z Zurich Foundation dan Zurich Malaysia Melaka berbangga menjadi salah satu daripada empat bandar pilihan global dalam rangkaian *Resilience for Communities (R4C)* bersama Boston, Houston dan Greater Manchester. Ini bukan sekadar pengiktirafan antarabangsa, tetapi satu peluang besar untuk kita menyesuaikan pendekatan global kepada realiti tempatan melalui pelaburan dalam ketahanan komuniti.

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Dokumen *Community Action Plan (CAP)* yang akan kita lancarkan hari ini merupakan hasil kolaborasi rapat dengan komuniti di Kampung Morten dan Pantai Peringgit. Ia lahir daripada proses penyelidikan dan libat urus mendalam yang melibatkan temu bual, bengkel, penilaian risiko serta penyertaan pelbagai lapisan masyarakat. Pendekatan ini membolehkan kita mengenal pasti bukan sahaja cabaran yang dihadapi penduduk, tetapi juga aspirasi dan penyelesaian yang sesuai dengan konteks setempat.

6. Antara projek awal berimpak tinggi yang telah dikenal pasti dalam pelan ini termasuklah mengecat semula bangunan Rumah Pangsa Pantai Peringgit menggunakan teknologi cat pemantul haba, yang dapat mengurangkan suhu dalaman kediaman serta menjadikan suasana lebih selesa dan menjimatkan tenaga. Selain itu, pemasangan sensor haba persekitaran turut dirancang bagi membolehkan pemantauan suhu secara langsung serta membantu dalam tindakan respons pantas oleh pihak berkuasa dan komuniti.

7. Selain itu, kita juga memberi penekanan kepada pendidikan komuniti melalui latihan kesiapsiagaan bencana, mural bertemakan perubahan iklim serta cadangan pembinaan *pocket park* – iaitu ruang hijau mikro di kawasan bandar bagi memperbaiki persekitaran sosial dan ekologi setempat. Semua ini adalah contoh bagaimana inisiatif kecil mampu memberi kesan besar sekiranya disusun secara strategik dan melibatkan komuniti secara menyeluruh.

8. Kerajaan Negeri Melaka di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka menyokong penuh segala usaha pendekatan komuniti seperti ini di mana faedah dan manfaatnya terus kepada rakyat. Kita percaya bahawa ketahanan sebenar bermula dari bawah — dari kekuatan sosial, kefahaman setempat dan kesanggupan masyarakat untuk bersama-sama membina perubahan.

Oleh itu, dokumen CAP ini merupakan satu garis panduan dan permulaan kepada usaha yang lebih besar dan berterusan.

9. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka akan terus menyokong peluasan inisiatif seumpama ini ke kawasan-kawasan lain di negeri Melaka yang dikenal pasti sebagai berisiko tinggi terhadap impak perubahan iklim.

10. Akhir kalam , saya berharap agar pelancaran dokumen ini dapat menjadi pemangkin kepada tindakan konkrit, kerjasama rentas sektor dan penjanaan sumber untuk memperkuuh pelaksanaan cadangan-cadangan yang telah digariskan. Semoga pendekatan yang inklusif ini menjadi contoh terbaik dalam pelaksanaan dasar perumahan, kerajaan tempatan dan pengurusan iklim negeri yang lebih mampan dan berdaya tahan.

11. Dengan lafaz kalimah yang mulia  
**Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukatanya  
merasmikan **Pelancaran Community Action Plan**  
**(CAP)** bagi projek *Urban Climate Resilience Program – Resilience for Communities (R4C)*.

**Sekian,**

**Wabillahitaufik**

**Walhidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**-TAMAT-**